

54 pelajar jayakan Konser Kemilau Anak Seni 2016

UG 27.9.2016 B10

Oleh NOORASVILLA MUHAMMA

SANDAKAN: Seramai 54 pelajar dari Sekolah Seni Malaysia Sabah di Sandakan telah menjayakan Konsert Kemilau Anak Seni 2016 yang berlangsung di Auditorium Institut Latihan Perindustrian (ILP) Sandakan, pada Sabtu.

Turut menjayakan konsert itu ialah pelajar praktikal dari Universiti Malaysia Sabah (UMS),

ibu bapa dan tenaga pengajar Sekolah Seni Malaysia Sabah, Sandakan serta Pegawai Pendidikan Daerah Sandakan Sh Mahada Sh Attar.

Antara persembahan dijayakan termasuk lakonan Anakku Sazali dan Sembilu, tarian daripada runut bunyi Merong Mahawangsa, koir, persembahan khas ibu bapa selain orkestra.

Bercakap kepada media, Pengetua Sekolah Seni Malaysia Sabah Hajah Kalsom Haji Abd Aziz berkata program itu bertujuan mempromosi sekolah itu yang sudah

mulakan pembelajaran sejak tujuh bulan lepas.

Katanya kesemua peserta yang merupakan pelajar dari kelas Teater, Muzik, PSV dan Tari itu telah menunjukkan prestasi yang baik meskipun baharu sahaja memulakan sesi pembelajaran.

Selain itu, konsert berkenaan juga sebagai persiapan pelajar sebelum membuat persembahan seni di daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa pada masa akan datang.

Ketika ini, sekolah seni berkenaan menumpang

di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Elopura Bestari di Batu 11. Difahamkan, bangunan baharu akan dicadang dibina di kawasan hab pendidikan di Batu 10.

Dalam pada itu, Kalsom berkata ketika ini lebih 1,500 pelajar

t e l a h

memohon untuk memasuki sekolah seni berkenaan bagi sesi pembelajaran tahun depan.

Pemilihan atau ujibakat pelajar akan dilakukan bagi pengambilan sesi tahun depan di mana pelajar perlu mendapat sekurang-kurangnya 3B dalam

UPSR atau ke atas.

Sekolah Seni Malaysia Sabah menerapkan dua kurikulum utama iaitu pembelajaran perdana pada sebelah pagi dan kurikulum empat bidang utama iaitu Teater, Muzik, PSV dan Tari pada sebelah petang.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Elopura Datuk Au Kam

Wah yang turut hadir menyaksikan konsert itu berpendapat pembukaan Sekolah Seni Malaysia Sabah di daerah itu amat bertepatan dalam mengembangkan bakat anak-anak muda dan belia di akar umbi, sekaligus mempromosi sektor pelancongan dengan seni dan kebudayaan yang ada.



NYANYIAN koir.



ANTARA babak lakonan daripada pelajar.



PERSEMBAHAN orkestra.